

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : PUAN HANNAH YEOH TSEOW SUAN
(SEGAMBUT)**

TARIKH : 06 OKTOBER 2021 (RABU)

SOALAN

PUAN HANNAH YEOH TSEOW SUAN (SEGAMBUT) minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah perbelanjaan yang diperuntukkan untuk penyediaan sistem khidmat pesanan ringkas (SMS) bagi menyalurkan maklumat mengenai COVID-19 kepada pemilik nombor telefon sepanjang pandemik bemula Mac 2020 sehingga Ogos 2021, nyatakan kos, pihak dan cara penentuan setiap kandungan SMS.

JAWAPAN

**YB DATUK DR ABD LATIFF AHMAD
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (TUGAS-TUGAS KHAS)**

Tuan Yang DiPertua,

1. Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) telah bekerjasama dengan Majlis Keselamatan Negara, Jabatan Perdana Menteri (MKN, JPM), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan 13 penyedia perkhidmatan telekomunikasi (Celcom, Digi, Maxis, UMobile, ALTEL, Webe, Tune Talk, Pavocomms, YTL, XOX, Redtone, Red One dan Merchantrade) untuk melaksanakan hebahan Pesanan Khidmat

Awam (PKA) melalui sistem khidmat pesanan ringkas (SMS) kepada orang ramai bagi menyampaikan maklumat serta khidmat nasihat berkaitan pengurusan pandemik COVID-19. Selain dari SMS, hebahan maklumat ini turut disampaikan melalui platform media sosial, TV dan radio.

2. Inisiatif ini telah bermula sejak 26 Februari 2020 dan sehingga 27 Ogos 2021 sejumlah 335 kandungan SMS telah dihantar oleh penyedia perkhidmatan telekomunikasi kepada lebih kurang 38.6 juta pelanggan telekomunikasi dengan jumlah penghantaran mencapai 12.7 billion SMS. Pihak penyedia perkhidmatan tidak mengenakan sebarang caj untuk perkhidmatan SMS ini (kadar sifar) atas dasar tanggungjawab sosial korporat.

3. Kandungan hebahan PKA ini ditentukan dan dipilih secara bersama oleh pihak MKN, KKM, Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan SKMM berpandukan keputusan-keputusan penting yang dibuat dalam sidang MKN dan situasi semasa pandemik. Teks hebahan akan digubal mengikut syarat-syarat perkhidmatan SMS (had aksara, indikator harga RM0, akses ke pautan dan lain-lain) dan semakan butiran fakta/informasi dan angka dengan kementerian/agensi berkaitan bagi pengesahan. Kandungan hebahan SMS yang telah dimuktamadkan/dipersetujui oleh semua pihak akan diedarkan oleh pihak MCMC kepada penyedia perkhidmatan untuk dihantar kepada semua pelanggan telekomunikasi mengikut tarikh yang telah ditetapkan.

Sekian, terima kasih.